

**SEMAKAN HARGA GAS ASLI
BAGI SEKTOR BUKAN ELEKTRIK
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

1. Penetapan tarif gas asli Gas Malaysia Berhad (GMB) di bawah kerangka kerja kawal selia berasaskan insentif (*Incentive-Based Regulation* - IBR) yang turut merangkumi pelaksanaan mekanisme *Gas Cost Pass Through* (GCPT) setiap enam bulan diteruskan bagi tempoh 15 Julai hingga 31 Disember 2019.
2. Tarif asas purata gas asli GMB bagi tempoh 15 Julai hingga 31 Disember 2019 adalah pada kadar RM32.74/mmBtu seperti mana yang telah ditetapkan di bawah kerangka kerja IBR GMB untuk tempoh regulatori pertama (2017-2019).
3. Melalui mekanisme GCPT, Kerajaan telah memutuskan supaya surcaj sebanyak RM1.92/mmBtu dilaksanakan bagi tempoh 15 Julai hingga 31 Disember 2019 kepada kesemua kategori tarif pelanggan GMB berikutan peningkatan kos gas asli di dalam tempoh semakan. Peningkatan tersebut adalah disebabkan oleh peningkatan harga dan isipadu gas asli berasaskan formula penetapan harga LNG serta pelaksanaan rasionalisasi subsidi harga gas asli berpaip sebanyak RM1.50/mmBtu.
4. Sehubungan itu, jadual kategori tarif gas asli bagi tempoh 15 Julai hingga 31 Disember 2019 ditetapkan seperti berikut:

Kategori Tarif	Purata Penggunaan Gas Tahunan (mmBtu)	Tarif Asas Semasa (RM/mmBtu)	Tarif Semasa Selepas Surcaj (RM/mmBtu)	Tarif Asas 15 Julai - 31 Disember 2019 (RM/mmBtu)	Tarif Selepas Surcaj 15 Julai - 31 Disember 2019 (RM/mmBtu)
A	Pengguna domestik	23.49	23.72	23.52	25.44
B	0 - 600	30.35	30.58	30.40	32.32
C	601 - 5,000	30.51	30.74	30.56	32.48
D	5,001 - 50,000	30.81	31.04	30.86	32.78
E	50,001 - 200,000	32.15	32.38	32.20	34.12
F	200,001 - 750,000	32.15	32.38	32.20	34.12
L	Melebihi 750,000	33.23	33.46	33.28	35.20
Purata		32.69	32.92	32.74	34.66

5. Semakan tarif gas asli GMB tidak melibatkan gas asli untuk kenderaan (*natural gas vehicle* - NGV) dan gas petroleum cecair (*liquefied petroleum gas* - LPG) yang dibekalkan melalui tong gas atau secara pukal.